

Pembentangan RMK-9

PAK LAH SEBAK KENANG NASIB ORANG MELAYU

Oleh: WARTAWAN ERA BARU

KETIKA berakhirnya pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelihatan sebak beberapa saat. Jelas, persoalannya, apakah yang menyebabkan beliau begitu? Kepada penulis, tidak syak lagi disebabkan memikirkan tanggungjawab berat yang dihadapi dan terpaksa



AHLI-AHLI Parlimen yang diketuai oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang membelek naskah Rancangan Malaysia Ke-9 setelah berakhirnya pembentangan RMK-9 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini.

dipikulnya untuk memastikan RMK-9 itu tercapai dan berjaya. Dan pada masa yang sama, mahu melihat kedudukan serta kepentingan orang Melayu dalam rancangan tersebut terjamin dan tercapai. Begitu besar harapan dan impiannya untuk orang-orang Melayu.

Sememangnya, jauh di sudut hati Pak Lah tergerak untuk memikirkan tentang nasib orang-orang Melayu sekiranya rancangan tali ini tidak memberikan basil sebagaimana yang beliau harapkan. Justeru, terpancar disebalik wajah beliau untuk memastikan tiga fasa terakhir ini sebelum menuju ke arah Wawasan 2020, tercapai dengan gemilang sebagai sebuah negara maju.

Beliau memikul perananyang amat besar dalam memastikan kejayaan bangsanya. Kerana beliau sedar benar bangsanya yang sudah begitu jauh tercicir dibelakang, dan sekiranya beliau gagal membela nasib dan hak bangsanya, beliau akan dianggap gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin khususnya kepada orang Melayu.

Justeru, Pak Lah dilihat begitu komited dalam rancangan kali ini terutama selepas berakhirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Justeru, dalam RMK-9, beliau telah memasukkan semangat DEB bagi memastikan kedudukan orang Melayu dalam pelbagai bidang ditekankan dan kukuh untuk mengimbangi kaum-kaum lain di negara ini.

Tahniah kepada Pak Lah dan jentera pentadbirannya, semoga beroleh kejayaan dalam segala yang dirancang. Mari lah kita bekerja bersama beliau untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maju selaras dengan kata-kata Pak Lah - menjadi bangsa yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.



Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelihatan sebak beberapa saat ketika berakhirnya pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) lalu,